

ABSTRAK

Satu perkara yang menarik tentang gaya bahasa Arab ialah berhubung dengan penggunaan ragam pasif. Minat dan hasrat penulis untuk membongkar rahsia keindahan dan kekuatan gaya bahasa membuatkan diri penulis terpanggil untuk menjalani penyelidikan bertajuk “ Penggunaan Ragam Pasif Bahasa Arab : Satu Kajian Dalam Surah Āl ‘Imrān ” sebagai platform kajian. Pada dasarnya, kajian ini bermotifkan untuk memperkenalkan kaedah-kaedah ragam pasif serta menyingkap rahsia penggunaannya di dalam bidang sintaksis. Hasil daripada pengamatan penulis, terdapat 67 patah kata ragam pasif yang merangkumi sebanyak 45 potong ayat digunakan di dalam surah Āl ‘Imrān. Ragam pasif dari jenis kata kerja pasif kala lampau merupakan bilangan kata yang paling banyak digunakan, diikuti dengan kata kerja pasif kala kini dan kata nama pasif yang berfungsi sama seperti kata kerjanya. Faktor ini disebabkan oleh penggunaan kata kerja pasif kala lampau merangkumi bukan sahaja untuk kenyataan yang telah berlalu, malah ia turut digunakan untuk menyatakan perkara-perkara yang akan berlaku pada hari mendatang. Tambahan pula, ia sering kali digunakan di dalam kenyataan yang menceritakan tentang perkara-perkara yang mempunyai hubung-kait dengan nasihat, amaran, hari pembalasan, dosa pahala, syurga neraka dan sebagainya. Hal ini jelas membuktikan bahawa penggunaannya tidak boleh dipandang remeh. Malah pemilihan penggunaan ragam pasif dalam konteks ini mampu memberi kesan mendalam serta menikam kalbu setiap insan yang beriman. Hasil daripada kekuatan bahasa yang ditonjolkan ini, sudah pastinya akan menimbulkan keinsafan dan ketaatan manusia yang utuh kepada penciptanya *Rabbul Jalil*.

ABSTRACT

One of the interesting parts of the Arabic language is the use of passive voice. It is interesting for the writer to uncover the secret of the beauties and strength of the Arabic language, henceforth this research entitled “ The Use Of Passive Voice In Arabic Language: A Studies On Āl Imrān Verse ” as the basement research. Basically, the study aims at introducing the method of passive voice pattern and its use in syntax. From the writer's observation, there are 67 passive voice words used in the 45 sentences written in the Āl Imrān verse. Passive voices from the past tense passive verb are mainly used, followed by passive present tense and the passive noun which have the same operation as a verb. The factors are caused by the using of the past tense passive verb that included not only for the reason that have past, but also to explain the things that will happen in the future. As addition, it is often used to convey a message that includes advice, caution, doomsday, sin, rewards, heaven, hell and so forth. This it can be shown that it's application can not be taken lightly. The selective word used in this context could give deep influence and also give deep impact to the feeling of pious person. This approach will certainly turn ones to be more conscious and become more obedient to *Rabbul Jalil*.